

**Belanjawan Kedah 2013 Tiada Fokus - Mahdzir Khalid
Bernama
20 November, 2012**

ALOR SETAR, 20 Nov (Bernama) -- Ketua Pembangkang Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Mahdzir Khalid menyifatkan Belanjawan 2013 Kedah yang dibentang pada Selasa tidak mempunyai sebarang fokus.

Beliau berkata secara keseluruhan, belanjawan itu tidak menonjol sebagai 'faktor wow' yang boleh dibanggakan.

"Saya nampak takde apa-apa fokus... takde apa yg disasarkan. Pembentangan biasa tiap-tiap tahun... Tiap-tiap tahun beri peruntukan. Tak nampak apa yang kuat," katanya kepada pemberita selepas pembentangan Belanjawan 2013 berjumlah RM1.1 bilion oleh Menteri Besar Datuk Seri Azizan Abdul Razak di sini.

Mahdzir berkata peruntukan sebanyak RM800,000 untuk pembangunan sukan adalah amat kecil kerana melibatkan banyak bidang.

"Kena ada bajet yang fokus. Sukan tu kena spesifik. Apa sukan yang hendak dibangunkan di Kedah. Apa yang hendak dibuat. Kalau RM800,000 setakat cari tanah untuk buat padang bola di kampung, dapatlah empat, lima padang bola," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=710299>